

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

MTEN bincang kaedah khusus kurangkan pekerja asing

MTEN bincang kaedah khusus kurangkan pekerja asing April

Pembentangan RMK13 sasar pengurangan drastik melalui kerjasama industri

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan membangunkan satu mekanisme khusus bagi mengurangkan jumlah pekerja asing secara berkala di negara ini, bulan depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ini selari dengan pelan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dibentang tahun depan yang akan meletakkan sasaran pengurangan jumlah pekerja asing secara lebih drastik dan ketara.

"Saya sebut ini di Parlimen hari ini supaya dapat menyediakan industri dan ekonomi kita lebih awal.

"Kita perlu komited untuk mengurangkan jumlah pekerja asing dan pendatang asing tidak berkemahiran dalam negara.

"Hal ini (pengurangan pekerja

asing) memerlukan bukan sahaja secara dasar, tetapi juga kerjasama industri kerana setiap kali kerajaan terdahulu ingin mengurangkan pekerja asing, ia mendapat bantahan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Shahar Abdulla (BN-Paya Besar) berkenaan persaingan di antara pengusaha tempatan dengan pengusaha asing, terutama dari Bangladesh yang dilihat semakin mendominasi sektor separuh manhir.

Mohd Shahar berkata, fenomena persaingan antara rakyat negara ini dengan pekerja asing sehingga pekerja asing yang asalnya datang sebagai buruh kasar, tetapi menjadi pekerja sahaja.

Mengulas perkara itu, Rafizi berkata, jika negara terus mempunyai sehingga 3.5 juta pekerja asing, sama ada yang memiliki dokumen atau sebaliknya, ia akan mewujudkan satu kumpulan yang menawarkan struktur kos lebih rendah.

Keadaan itu, katanya, akan menyebabkan peniaga tempatan tidak dapat bersaing, manakala orang ramai lebih gemar men-

dapatkan khidmat atau produk dijual peniaga asing.

Beliau berkata, sikap rakyat tempatan sendiri yang menyewakan dan memberikan lesen kepada pekerja asing untuk mendapat wang mudah RM3,000 hingga RM4,000 juga menjadi antara punca perkara itu terus berlaku.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan, kerajaan akan membentangkan undang-undang 'anti-Ali Baba' bagi mengekang kegiatan penduduk tempatan menyewakan premis atau memberikan lesen perniagaan kepada warga asing.

"Selain struktur ekonomi yang mempertebu dengan mengecilkan jumlah pekerja asing, kita perlu memperketat undang-undang dan satu daripadanya melalui akta 'anti-Ali Baba' supaya menjadi kesalahan membolehkan pekerja asing menggantikan nama orang tempatan untuk perniagaan yang menyebabkan keadaan seperti sekarang," katanya.

Perluas peranan GLC

Menjawab soalan asal Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) mengenai kaedah dan pendekatan baharu yang memepati ciri status pembangunan serta sosioekono-



Pengurangan pekerja asing memerlukan bukan sahaja secara dasar, tetapi juga kerjasama daripada industri.

(Foto hiasan)

mi tempatan bagi meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera, Rafizi berkata, kerajaan akan melakukan anjakan dalam menambah baik agenda pemerkasaan Bumiputera melalui pelaksanaan dasar serta inisiatif di GLC dan GLIC berkenaan.

Katanya, ia bagi memastikan hal tujuannya lebih bersifat inklusif tanpa meminggirkan sesiapa di negara ini.

Rafizi berkata, kerajaan akan memperluas peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) dalam mendukung agenda Bumiputera sebagai

agenda nasional.
Katanya, kerajaan juga akan berperanan lebih proaktif dalam memperngat dan menggerakkan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera melalui pelaksanaan dasar serta inisiatif di GLC dan GLIC berkenaan.

"Semua intipati hasil Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac lalu, input sesi libat urus dan 'microsite' KEB 2024 akan dicerakim untuk diterjemah ke dalam hal tuju agenda baharu pemerkasaan Bumiputera," katanya.